

Bekas Setiausaha Politik Mohamad Sabu
direman bantu siasatan kes rasuah kontrak
RM56 juta *Muka 16*

Bekas setiausaha politik ditahan

Suspek direman
6 hari bantu
siasat kes
rasuah projek
lebih RM56 juta

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas setiausaha politik kepada bekas Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, untuk membantu siasatan rasuah membabitkan projek secara rundingan terus di Kementerian Pertahanan bernilai lebih RM56 juta.

Majistret Shah Wira Abdul Halim mengeluarkan perintah reman enam hari terhadap lelaki itu bermula semalam hingga 13 Julai ini, selepas mendengar permohonan dikemukakan SPMR di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sumber berkata, lelaki itu dikatakan melakukan kesalahan itu

di Kementerian Pertahanan ketika bertugas sebagai setiausaha politik menteri terbabit.

Bekas setiausaha politik yang berusia 49 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPMR Putrajaya pada jam 8 malam kelmarin selepas hadir memberi keterangan.

Siasatan awal mendapati suspek dikatakan menerima rasuah bernilai jutaan ringgit daripada sebuah syarikat sebagai balasan mendapatkan projek itu pada sekitar Ogos 2019.

Mengikut sumber itu, penahanan itu membabitkan kes baharu dan tiada kena-mengena dengan isu muflis dan pembayaran hutang yang disiasat SPMR pada 2018.

Selain penahanan suspek, SPMR turut menyita pelbagai mata wang tunai yang dianggarkan bernilai lebih RM70,000 dan dokumen berkaitan projek berkenaan, manakala kes itu pula disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPMR.

Sementara itu, Parti Amanah Negara (AMANAH) menyifatkan tiada keperluan penahanan reman dikenakan kepada bekas setiausaha politik terbabit tidak hadir apabila dipanggil dan tidak memberi kerjasama dengan SPMR.



Bekas setiausaha politik Mohamad (kanan) di Mahkamah Putrajaya, semalam.

sepenuhnya kepada siasatan SPMR.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Mohd Hatta Md Ramli, berkata penahanan reman sepertutnya dimohon jika bekas setiausaha politik terbabit tidak hadir apabila dipanggil dan tidak memberi kerjasama dengan SPMR.

“Saya mengesahkan ibu pejabat AMANAH digeledah SPMR awal pagi tadi (semalam) susulan penahanan bekas setiausaha politik terbabit,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, Mohd Hatta berkata, tindakan geledah itu dilakukan tanpa dikemukakan ter-

lebih dahulu dokumen waran geledah kepada pegawai keselamatan yang bertugas di ibu pejabat parti berkenaan.

“Apabila ditanya, mereka menjawab waran itu akan diserahkan kepada bekas setiausaha politik terbabit yang dibawa bersama-sama,” katanya.